

02/10/2003

Negara Islam bukan matlamat Pas: PM

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak terkejut dengan percanggahan pendapat di kalangan pemimpin Pas berhubung penubuhan negara Islam kerana perkara itu bukanlah matlamat parti berkenaan.

Perdana Menteri berkata, pemimpin Pas hanya memeralatkan Islam untuk memancing undi demi kepentingan politik sedangkan tindak-tanduk pemimpinnya langsung tidak mencerminkan Islam seperti memaki orang , melempar fitnah dan mendakwa Tuhan mencarut.

"Sebab itu di negara lain, umat Islam tak suka nak campur aduk perkataan Islam dalam nama kerana apabila mereka buat sesuatu yang buruk, bertentangan dengan Islam, nanti orang kata itulah Islam.

"Jadi, dia (pemimpin Pas) tak bertanggungjawab. Saya hairan macam mana ada orang sanggup sokong parti Pas kerana Islam.

"Pas bukan Islam. Ia cuma parti yang memeralatkan Islam," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jemaah Menteri di Rumah Kabinet, Gunung Raya, di sini semalam.

Beliau mengulas pandangan bercanggah mengenai pendirian Pas berhubung negara Islam antara Naib Presiden parti itu, Datuk Mustafa Ali dengan Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Mustafa dalam temu bualnya pada program Hardtalk, British Broadcasting Corporation (BBC) berkata, negara Islam bukan objektif dalam perlembagaan Pas, sebaliknya media menggunakan istilah negara Islam untuk menakutkan orang bukan Islam.

Bagaimanapun, Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu, pada hari yang sama temu bual itu disiarkan, berkata negeri itu akan mewartakan Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) sebelum akhir Oktober dan menguatkuasakan undang-undang itu serta-merta.

Hadi mengulangi kepada pemberita di Kuala Terengganu semalam bahawa Pas tetap dengan pendiriannya untuk menubuhkan negara Islam dengan melaksanakan Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) di negeri yang dikuasainya.

Beliau menegaskan, agenda penubuhan negara Islam menjadi asas perjuangan parti itu dan menyifatkan mereka yang mahu mempolitikkan isu negara Islam sebagai tidak memahami tafsiran sebenar Islam.

Hadi menyifatkan kenyataan Mustafa dalam program Hardtalk itu adalah secara menyeluruh mengenai Islam.

Dr Mahathir berkata, Pas sememangnya menggunakan negara Islam sebagai isu untuk memancing undi, sedangkan perkara itu tidak perlu dilakukan kerana Malaysia sudah diiktiraf sedemikian oleh seluruh dunia.

"Malaysia bukan saja sebagai negara Islam tetapi contoh bagi negara Islam lain. Jadi apa lagi yang ia (Pas) nak?," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Pas jelas tidak mempunyai dasar yang tetap, sebaliknya lebih mementingkan politik dan undi.

"Bagi orang Melayu Islam, kempennya lain, cakap lain. Bila berhadapan dengan orang bukan Islam, cakap lain. Kalau Mustafa kata dia tidak ada rancangan meminda Perlembagaan, di pihak Hadi pula mereka nak adakan undang-undang Hudud, memasukkannya mengikut Kanun Jenayah.

"Mustafa kata dalam BBC, tidak ada cadangan meminda Perlembagaan. Katanya lain negeri lain undang-undang yang dipakai berkaitan hal Islam. Dalam Perlembagaan ada Akta Perbekalan, perkara yang ada hubung kait dengan jenayah dan diguna pakai untuk semua negeri, bukan terhad kepada

mana-mana negeri.

"Maka sebab itu hari ini undang-undang hudud yang nak dibawa Terengganu itu menimbulkan masalah percanggahan dengan Perlembagaan," katanya.